

## **PAC panggil KSU berhubung Eurocopter**

NILAI: Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Abu Bakar Abdullah, antara pegawai tinggi yang akan dipanggil Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bagi memberi keterangan berhubung isu pembelian helikopter Eurocopter EC725 yang dipertikaikan sesetengah pihak kerana tidak mengikut prosedur dan peraturan.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata jawatankuasa itu menetapkan Rabu dan Khamis bagi meneliti isu itu dengan tumpuan kepada pelbagai proses dan prosedur pembelian, terutama aspek penilaian teknikal serta kewangan.

"Biasanya (Ketua Setiausaha Kementerian) akan dipanggil, tetapi sekiranya beliau tidak dapat hadir, pegawai bawahan ada. Kita yakin tempoh dua hari itu mencukupi untuk mengkaji isu itu sebelum membuat rumusan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Hari Audit Malaysia 2008 di Akademi Audit Negara, dekat sini semalam yang turut dihadiri Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang.

Azmi berkata, jawatankuasa itu yang dianggotai 13 ahli membabitkan wakil kerajaan dan pembangkang memberi jaminan siasatan secara adil dan telus akan dilakukan serta hasil siasatan mengenainya akan diumumkan untuk pengetahuan orang ramai.

"Kita akan melaksanakan tugas mengikut prosedur biasa dengan memanggil semua pihak terbabit memberi keterangan bagi mendapat gambaran jelas dan sebenar mengenai inti pati tender pembelian helikopter itu.

"Kita tidak boleh menelitinya spontan kerana ini adalah isu besar dan menarik perhatian," katanya.